



## 61 pelajar FKP sertai Program Apprentis MAI



Seramai 61 pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mengikuti program apprenticeship dengan kerjasama Institut Automotif Malaysia (MAI) sejak Januari lalu berjaya menamatkan program fasa 1 dalam melengkapkan sesi latihan Kejuruteraan Acuan dan Pembentukan Logam sebelum penempatan di industri automotif tempatan.

Mereka akan menjalani latihan selama empat bulan dalam industri berbeza melibatkan syarikat Sipro Plastik Industri, Technologies Sanko Permintex, Industri Delloyd, Burnmark Sdn Bhd, Autokeen dan Miyazu (M) Sdn Bhd., APM Plastics, Ingress, Miyazu, Sapura, Sugihara dan WSA Engineering.

Majlis penyampaian sijil tamat latihan disempurnakan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), YB Dato' Jacob Dungau Sagan pada 16 Mei 2011 yang lalu di Dewan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UMP Kampus Pekan.

Hadir sama disertai Ketua Pegawai Eksekutif MAI, Madani Sahari dan Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Pahang, Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin yang mewakili Naib

Canselor.

Menurut Dato' Jacob dengan kerjasama antara pihak IPT dan industri ini, beliau percaya UMP akan menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan dalam melahirkan lebih ramai jurutera yang kompeten menjelang tahun 2015.

Program kerjasama MAI dengan UMP ini melibatkan pelajar tahun tiga daripada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang berpeluang menjalani program apprenticeship Plastik Industri (*Mould Engineering*), Industri Logam (*Die Engineering*) dan *Lean Manufacturing Systems*.

Sementara itu, menurut Madani, program apprenticeship ini dapat mengurangkan jurang yang dikenal pasti bagi memenuhi keperluan industri negara dalam menghasilkan jurutera yang pakar dengan kemahiran khusus yang relevan dalam industri automotif dan pelajar ditekankan dengan kemahiran insaniah serta budaya kerja dalam industri.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dalam teks ucapannya berkata, program apprenticeship ini terdiri daripada tiga tahap yang mana pada empat bulan pertama di tahap 1, pelajar didedahkan tentang cara kerja dalam

industri automotif, kemahiran yang relevan dan budaya kerja industri yang melibatkan pengajian subjek akademik universiti dan tenaga pengajar dari industri yang diselaras oleh pihak MAI.

"Tahap 2 melibatkan program penempatan latihan industri dan pelajar akan menghabiskan masa selama empat bulan mendapatkan pengalaman berharga bekerja dengan syarikat automotif berkaitan.

"Tahap 3 berlangsung pada September nanti dan pelajar akan memulakan projek industri yang disahkan oleh organisasi terlibat.

"Selain itu, pelajar akan mengikuti kuliah dan pada masa yang sama menyiapkan projek di organisasi masing-masing," katanya.

Sehingga kini, program apprenticeship ini melibatkan seramai 120 bakal jurutera daripada dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan UMP.

Pihak MAI berharap untuk memperluaskan program ini ke seluruh negeri dan melibatkan industri berdasarkan komponen automotif. Ini dijangka akan menghasilkan lebih ramai jurutera mahir bagi membantu meningkatkan daya saing industri automotif tempatan.